

LAPORAN ANALISIS

PERBINCANGAN MEJA BULAT - RTD 3
WANITA DAN AI – MEMBINA DAYA TAHAN
DALAM ERA DIGITAL

20
26

MEI



Disediakan oleh



PERBINCANGAN MEJA BULAT 3 | MEI 2026

KECERDASAN BUATAN (AI)

“WANITA DAN AI – MEMBINA DAYA TAHAN DALAM ERA DIGITAL”

Laporan ini disediakan oleh Jabatan Strategi dan Dasar, Wanita Berdaya Selangor (WBS). Kami menghargai segala input dan maklum balas yang diberikan sepanjang sesi perbincangan meja bulat dijalankan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pemegang taruh yang hadir ke Perbincangan Meja Bulat yang terdiri daripada YB Puan Anfaal Saari, wakil-wakil Pejabat EXCO, Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan merangkumi Kementerian Digital, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MyDigital Corporation, *Multimedia Content Forum of Malaysia*, Jabatan Perlindungan Data Peribadi, TalentCorp, TERAJU, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Smartsel Sdn. Bhd., STDC, Sidec serta Ahli Akademik dan Badan Pemikir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sivil dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan

Mengenai WBS

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembangunan Kapasiti. WBS juga merupakan anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang WBS di www.wbselangor.org.my atau 03 – 5545 4879

Copyright © 2026 oleh

Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.

Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L

Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	 4 - 7
Ucapan Alu-Aluan	 8 - 9
Sesi Perkongsian Discussant dan Perbincangan	 10 - 15
Meja Bulat	
Cadangan Penambahbaikan dan Resolusi	 16 - 18
Lensa Perbincangan Meja Bulat	 19

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi mengumpul segala cadangan, sumbangsaran dan resolusi dalam satu dokumen untuk rujukan semua pihak berkepentingan, justeru satu perbincangan meja bulat (*Roundtable Discussion - RTD*) telah dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) pada 21 Mei 2026 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Kekwa, Seksyen Sektor, Tingkat Bawah 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), 40503 Shah Alam.

Kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI) dan automasi kini menjadi antara pemacu utama transformasi ekonomi dan sosial global. Perkembangan teknologi ini bukan sahaja mengubah cara manusia bekerja, berinteraksi dan menjalankan aktiviti ekonomi, malah turut mempengaruhi struktur pasaran buruh, sistem pendidikan, model keusahawanan dan kesejahteraan sosial masyarakat. Dalam masa yang sama, dunia turut berhadapan dengan ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi yang semakin kompleks termasuk konflik berpanjangan di Asia Barat yang memberi kesan langsung kepada ekonomi global melalui peningkatan kos sara hidup, gangguan rantai bekalan, ketidakstabilan harga makanan dan tenaga, serta tekanan terhadap pasaran pekerjaan.

Perkembangan AI dan ketidaktentuan ekonomi global ini memberi kesan yang tidak seimbang terhadap wanita. Wanita merupakan antara kelompok yang paling terdedah kepada risiko automasi pekerjaan, tekanan ekonomi isi rumah, beban penjagaan keluarga dan jurang digital yang masih berterusan. Menurut Global Gender Gap Report 2025¹, kadar merapatkan jurang gender global masih perlahan iaitu sekitar 68.8%, dan dunia dijangka mengambil lebih 120 tahun untuk mencapai kesaksamaan gender sepenuhnya sekiranya kadar semasa berterusan.

Dalam konteks pekerjaan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan hampir 29% pekerjaan dalam sektor yang majoritinya disertai wanita berpotensi terkesan akibat automasi dan AI berbanding sekitar 16% dalam sektor

¹ https://reports.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2025.pdf

lelaki². Kajian Brookings Institution pula mendapati majoriti pekerjaan yang paling terkesan akibat penggunaan AI melibatkan wanita, khususnya dalam sektor pentadbiran dan kerani³.

Selain itu, wanita juga terus berhadapan dengan beban penjagaan tidak berbayar (unpaid care work) dan fenomena “time poverty” yang mengehadkan peluang untuk meningkatkan kemahiran digital, menyertai ekonomi baharu dan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Laporan ILO pada tahun 2024 menganggarkan sekitar 708 juta wanita di seluruh dunia berada di luar pasaran buruh disebabkan tanggungjawab penjagaan keluarga berbanding hanya 40 juta lelaki⁴. Di Malaysia, data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan seramai 7.23 juta penduduk berada di luar tenaga buruh pada Disember 2025, dengan 43.7% daripadanya disebabkan faktor kerja rumah tangga dan tanggungjawab keluarga⁵.

Dalam keadaan tekanan ekonomi global semasa, wanita sering menjadi kelompok yang menanggung beban berganda melibatkan kelangsungan ekonomi isi rumah, penjagaan keluarga dan penyesuaian terhadap transformasi digital. Kenaikan kos sara hidup dan ketidakstabilan ekonomi menyebabkan ramai wanita perlu mencari sumber pendapatan tambahan, menyesuaikan diri dengan ekonomi digital dan mengurus keperluan keluarga secara serentak. Walaupun AI dan digitalisasi menawarkan peluang baharu melalui ekonomi digital, pekerjaan fleksibel, peningkatan produktiviti dan keusahawanan digital, perkembangan ini juga berisiko memperkukuh ketidaksetaraan sedia ada sekiranya pembangunan teknologi tidak dilaksanakan secara inklusif dan responsif gender.

Kajian UNESCO⁶ berkaitan Women4EthicalAI turut menunjukkan bahawa wanita masih kurang terlibat dalam pembangunan dan penyelidikan AI, di samping wujud kebimbangan bahawa sistem AI tanpa “gender lens” boleh memperkukuh

² <https://www.weforum.org/stories/2026/03/ai-gender-parity-womens-history-month-jobs/#:~:text=The%20International%20Labour%20Organization%20,for%20men>

³ <https://www.brookings.edu/articles/measuring-us-workers-capacity-to-adapt-to-ai-driven-job-displacement/>

⁴ https://www.ilo.org/sites/default/files/2024-10/GEDI-STAT%20brief_formatted_28.10.24_final.pdf

⁵ https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20260227110626.pdf

⁶ <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000391719>

stereotaip serta bias sedia ada. Selain itu, jurang digital dalam kalangan wanita masih menjadi cabaran utama, khususnya bagi kumpulan berpendapatan rendah, luar bandar dan wanita yang mempunyai akses terhadap pendidikan digital. Laporan World Economic Forum (WEF) menunjukkan wanita di negara berpendapatan rendah masih kurang akses kepada internet mudah alih dan peranti digital berbanding lelaki⁷.

Dalam konteks Malaysia, pelbagai inisiatif berkaitan AI dan ekonomi digital seperti AI Untuk Rakyat, Women in AI dan program pembangunan bakat digital telah diperkenalkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk memastikan pembangunan AI dilaksanakan secara lebih inklusif, beretika dan berpusatkan manusia agar wanita bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, tetapi turut diperkasa sebagai pembuat keputusan, peneraju inovasi dan pemain utama dalam ekonomi masa hadapan.

Sehubungan itu, pembangunan AI perlu dilihat bukan sahaja sebagai agenda teknologi dan ekonomi, tetapi juga sebagai isu kesejahteraan sosial, pembangunan manusia dan keadilan gender. Pendekatan pembangunan teknologi yang lebih human-centric dan gender-responsive amat penting bagi memastikan transformasi digital tidak meningkatkan lagi ketidaksamaan sosial dan ekonomi sedia ada. Bagi mendalami isu ini, satu sesi Round Table Discussion (RTD) 3 dicadangkan sebagai platform strategik untuk menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan daripada sektor kerajaan, industri, akademik dan masyarakat sivil bagi membincangkan impak AI dan ketidakpastian global terhadap wanita, serta mengenal pasti pendekatan dasar dan intervensi yang lebih inklusif, mampan dan mesra pengguna.

⁷ <https://www.weforum.org/stories/2026/03/ai-gender-parity-womens-history-month-jobs/#:~:text=In%20low,first%20also%20risks>

OBJEKTIF PERBINCANGAN MEJA BULAT (RTD)

1. Menjadi platform strategik bagi membincangkan impak perkembangan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI), automasi dan ketidaktentuan ekonomi global terhadap wanita, khususnya dari aspek pekerjaan, kesejahteraan sosial, keselamatan ekonomi dan beban penjagaan dalam era digital.
2. Mengenal pasti cabaran struktur yang mempengaruhi kesiapsiagaan wanita dalam mendepani transformasi digital dan ekonomi berasaskan AI, termasuk jurang kemahiran digital, “time poverty”, akses teknologi, bias gender dalam pembangunan AI serta ketidakaksamaan peluang dalam sektor teknologi dan ekonomi digital.
3. Meneliti keberkesanan dasar, inisiatif dan ekosistem sokongan sedia ada dalam memperkukuh perlindungan sosial, pembangunan bakat dan penyertaan wanita dalam ekonomi digital, di samping merangka pendekatan pembangunan AI yang lebih inklusif, beretika dan responsif gender.
4. Mengumpul cadangan intervensi dan pendekatan dasar yang lebih bersepadu, mampan dan berimpak tinggi bagi memperkukuh daya tahan ekonomi dan sosial wanita dalam era automasi, termasuk memperluas akses kepada pembangunan kemahiran, peluang ekonomi digital, sokongan penjagaan, perlindungan sosial serta penglibatan wanita dalam pembangunan dan tadbir urus AI.

UCAPAN ALU-ALUAN YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI

Ucapan Alu-Aluan yang telah disampaikan oleh **YB Puan Anfaal Binti Saari**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga Negeri Selangor. Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau menekankan bahawa perkembangan AI perlu dilihat bukan sekadar sebagai kemajuan teknologi, tetapi sebagai satu perubahan struktur yang memberi implikasi besar kepada pasaran buruh, sistem pendidikan, kesejahteraan sosial dan pembangunan ekonomi negara. Beliau menjelaskan bahawa perkembangan AI memberi peluang yang besar kepada masyarakat, namun pada masa yang sama mewujudkan risiko baharu khususnya kepada wanita yang lebih terdedah kepada automasi pekerjaan serta ketidaksamaan akses terhadap teknologi. Beliau turut merujuk kepada pelbagai dapatan antarabangsa yang menunjukkan sebahagian besar pekerjaan yang didominasi wanita berpotensi mengalami perubahan ketara akibat penggunaan AI.

Menurut beliau, pembangunan AI pada masa hadapan perlu mengambil kira nilai budaya, realiti sosial dan konteks masyarakat Malaysia. Pembangunan teknologi yang tidak mengambil kira perspektif gender berisiko memperkukuh bias dan stereotaip sedia ada serta melebarkan lagi jurang ketidaksamaan. Beliau berharap perbincangan RTD ini dapat menghasilkan cadangan yang praktikal dan berimpak tinggi untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor memperkukuh kesiapsiagaan wanita dalam menghadapi transformasi digital yang sedang berlaku.

UCAPAN ALU-ALUAN YBRS PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD

YBrs Puan Siti Faridah binti Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor dalam ucapan alu-aluannya memaklumkan bahawa RTD 3 merupakan sebahagian daripada siri perbincangan strategik di bawah Gender Outlook Forum (GOF) 2026 yang bertujuan mengangkat isu-isu semasa yang memberi kesan kepada wanita. Beliau menjelaskan bahawa AI dan digitalisasi membuka peluang baharu kepada wanita dalam bidang pekerjaan, pendidikan dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, manfaat tersebut hanya dapat dinikmati sekiranya wanita mempunyai akses yang mencukupi kepada kemahiran, teknologi dan ekosistem sokongan yang bersesuaian.

Beliau turut menekankan bahawa wanita masih berhadapan dengan cabaran beban penjagaan keluarga, tekanan kos sara hidup dan jurang digital yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi semasa. Oleh itu, RTD ini dilihat penting untuk mengenal pasti pendekatan yang lebih inklusif dan responsif gender dalam pembangunan AI dan ekonomi digital.

PERBINCANGAN MEJA BULAT

Sesi perbincangan telah berlangsung secara interaktif dengan penglibatan pelbagai pemegang taruh daripada kementerian, agensi kerajaan, badan pemikir, institusi pembangunan bakat, industri teknologi serta usahawan digital.

Secara keseluruhannya, perbincangan menekankan bahawa AI bukan sekadar isu teknologi tetapi merupakan isu ekonomi, sosial dan pembangunan manusia yang memerlukan pendekatan lebih inklusif dan berpusatkan rakyat. Antara intipati sesi perbincangan meja bulat adalah seperti berikut;

1. Risiko Automasi dan Masa Depan Pekerjaan Wanita

Perbincangan mendapati bahawa perkembangan kecerdasan buatan (AI) dan automasi dijangka membawa perubahan yang signifikan terhadap struktur pasaran pekerjaan pada masa hadapan. Walaupun teknologi ini berpotensi meningkatkan produktiviti dan kecekapan organisasi, terdapat kebimbangan bahawa sebahagian pekerjaan yang didominasi oleh wanita berisiko tinggi mengalami perubahan fungsi atau digantikan oleh teknologi automasi.

Beberapa peserta merujuk kepada dapatan antarabangsa yang menunjukkan bahawa pekerjaan dalam bidang pentadbiran, sokongan pejabat, perkeranian dan pemprosesan data merupakan antara kategori pekerjaan yang paling terdedah kepada automasi. Situasi ini memberi implikasi yang besar kepada wanita memandangkan penyertaan mereka dalam sektor-sektor tersebut masih tinggi berbanding lelaki.

Walau bagaimanapun, para peserta berpandangan bahawa AI tidak semestinya menggantikan manusia secara keseluruhan. Sebaliknya, AI dijangka mengubah sifat pekerjaan daripada tugas rutin kepada tugas yang memerlukan pemikiran kritikal, kreativiti, empati dan kemahiran membuat keputusan. Oleh itu, cabaran utama bukanlah kehilangan pekerjaan semata-mata, tetapi keupayaan tenaga kerja wanita untuk menyesuaikan diri dengan perubahan kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi baharu.

Dalam masa yang sama, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan AI dalam proses pengambilan pekerja berpotensi menghasilkan ketidaksamaan baharu sekiranya sistem tersebut dibangunkan berdasarkan data yang mempunyai kecenderungan atau bias tertentu. Sebagai contoh, sistem saringan resume automatik mungkin cenderung mengutamakan profil calon tertentu dan secara tidak langsung menjejaskan peluang wanita yang mempunyai laluan kerjaya tidak konsisten akibat tanggungjawab penjagaan keluarga.

Sehubungan itu, perbincangan menekankan keperluan untuk memperkukuh program peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan latihan semula (*reskilling*) yang lebih bersasar kepada wanita bagi memastikan mereka kekal relevan dan berdaya saing dalam pasaran pekerjaan yang semakin dipengaruhi oleh AI.

2. Jurang Kemahiran AI dan Literasi Digital

Salah satu isu utama yang dibangkitkan sepanjang sesi perbincangan ialah jurang kemahiran digital dan literasi AI yang masih wujud dalam kalangan wanita. Walaupun penggunaan teknologi digital semakin meluas dalam kehidupan harian, ramai wanita masih belum mempunyai tahap kefahaman yang mencukupi mengenai penggunaan AI secara praktikal untuk tujuan pekerjaan, pendidikan dan pembangunan ekonomi.

Wakil TalentCorp berkongsi pelbagai inisiatif pembangunan bakat seperti Wanita MyWira, Jelajah AI MyMahir serta program mentor-mentee teknologi yang bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang STEM, TVET dan teknologi digital. Inisiatif tersebut dilihat sebagai langkah penting dalam menyediakan wanita dengan kemahiran masa hadapan yang diperlukan dalam ekonomi berasaskan teknologi.

Perbincangan turut menekankan bahawa pendekatan pembangunan kemahiran AI perlu bergerak melangkaui latihan teknikal yang bersifat kompleks. Sebaliknya, program latihan perlu memberi fokus kepada penggunaan AI secara praktikal dalam kehidupan seharian seperti membina resume, membantu

pembelajaran, mengurus perniagaan kecil, menghasilkan kandungan digital serta meningkatkan produktiviti kerja.

Beberapa peserta turut berpandangan bahawa AI yang hanya sesuai untuk golongan celik teknologi perlu diubah. AI seharusnya dijadikan alat yang mudah diakses dan difahami oleh semua lapisan masyarakat termasuk suri rumah, usahawan mikro, penjawat awam dan pekerja sektor tidak formal.

Dalam konteks ini, pembangunan modul latihan AI yang lebih mesra pengguna, menggunakan bahasa yang mudah difahami serta mengambil kira keperluan wanita daripada pelbagai latar belakang dilihat penting bagi memastikan manfaat teknologi dapat dinikmati secara lebih menyeluruh.

3. Bias Gender dan Tadbir Urus Teknologi

Perbincangan turut memberi perhatian kepada kepentingan pembangunan AI yang beretika, inklusif dan responsif gender. Para peserta berpandangan bahawa pembangunan teknologi tidak boleh dianggap sebagai proses yang neutral kerana sistem AI dibangunkan berdasarkan data, algoritma dan keputusan manusia yang berpotensi mengandungi kecenderungan atau bias tertentu. Oleh itu, pembangunan AI perlu mengambil kira kepentingan semua golongan masyarakat bagi memastikan manfaat teknologi dapat dinikmati secara saksama dan tidak memperkukuh ketidaksaan sedia ada.

Wakil TalentCorp membangkitkan isu gender bias yang sering berlaku dalam pelbagai aplikasi AI generatif, di mana imej, kandungan dan cadangan yang dihasilkan masih cenderung mengukuhkan stereotaip gender. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan bahawa AI yang dibangunkan tanpa perspektif gender berpotensi memperkukuh ketidaksaan yang sedia wujud dalam masyarakat.

YB Puan Anfaal turut menekankan bahawa pembangunan AI di Malaysia perlu mengambil kira nilai budaya, identiti tempatan dan realiti sosial masyarakat Malaysia. Menurut beliau, teknologi yang dibangunkan tanpa mengambil kira konteks

masyarakat tempatan berisiko menghasilkan keputusan yang tidak selaras dengan keperluan masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama, wakil National AI Office memaklumkan bahawa kerajaan sedang memperhalusi pelbagai aspek berkaitan tadbir urus AI termasuk pembangunan rang undang-undang dan kerangka kawal selia yang bertujuan memastikan keseimbangan antara inovasi dan perlindungan pengguna.

Perbincangan secara keseluruhannya bersetuju bahawa pembangunan AI pada masa hadapan perlu berasaskan prinsip keadilan, ketelusan, akauntabiliti dan keterangkuman supaya manfaat teknologi dapat dinikmati secara saksama oleh semua golongan termasuk wanita.

4. Keselamatan Data dan Perlindungan Digital Wanita

Perkembangan pesat penggunaan AI turut meningkatkan keperluan untuk memperkukuh aspek keselamatan digital dan perlindungan data peribadi. Wakil Jabatan Perlindungan Data Peribadi menjelaskan bahawa peningkatan penggunaan platform digital dan aplikasi berasaskan AI menyebabkan jumlah data yang dikumpulkan, diproses dan dikongsi semakin meningkat.

Keadaan ini mewujudkan risiko baharu termasuk penyalahgunaan data, pencerobohan privasi, penipuan dalam talian serta eksploitasi maklumat peribadi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Wanita khususnya dilihat lebih terdedah kepada ancaman tertentu seperti gangguan dalam talian, penipuan kewangan digital dan penyalahgunaan identiti.

Perbincangan turut menekankan bahawa ramai pengguna masih kurang memahami hak dan tanggungjawab mereka berkaitan perlindungan data peribadi. Dalam kebanyakan situasi, pengguna bersetuju untuk berkongsi data tanpa memahami implikasi jangka panjang terhadap keselamatan maklumat mereka.

Sehubungan itu, usaha advokasi dan pendidikan berkaitan keselamatan digital perlu dipertingkatkan bagi memastikan masyarakat, khususnya wanita, lebih peka

terhadap risiko penggunaan teknologi digital serta mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk melindungi data dan privasi mereka.

5. Jurang Infrastruktur Digital dan Akses Teknologi

Walaupun pelbagai inisiatif pembangunan digital telah dilaksanakan, perbincangan mendapati bahawa isu akses kepada teknologi masih menjadi cabaran utama bagi sebahagian wanita khususnya daripada kumpulan berpendapatan rendah dan usahawan mikro.

Wakil industri berkongsi bahawa ramai wanita masih berkongsi penggunaan komputer riba dan peranti digital dengan ahli keluarga lain. Keadaan ini menghadkan keupayaan mereka untuk mengikuti latihan dalam talian, mengurus perniagaan digital atau menggunakan aplikasi AI secara konsisten.

Selain itu, capaian internet yang tidak stabil dan kos langganan internet turut dikenal pasti sebagai faktor yang menghadkan penggunaan teknologi secara optimum. Dalam era AI yang semakin bergantung kepada akses internet, isu infrastruktur digital menjadi semakin kritikal.

Perbincangan menegaskan bahawa usaha memperluaskan penggunaan AI tidak boleh tertumpu kepada pembangunan aplikasi semata-mata. Sebaliknya, perhatian yang sama perlu diberikan kepada aspek aksesibiliti, kemampuan memiliki peranti dan kesaksamaan capaian internet supaya transformasi digital tidak melebarkan lagi jurang sosial sedia ada.

6. AI Sebagai Pemangkin Produktiviti, Keusahawanan dan Ekonomi Peniagaan

Walaupun pelbagai cabaran dibincangkan, para peserta turut melihat AI sebagai peluang strategik untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh ekonomi wanita dan mengurangkan beban kerja yang tidak produktif.

Wakil Swyfted berkongsi pengalaman dalam membantu institusi penjagaan kanak-kanak dan taska beralih daripada sistem pengurusan manual kepada sistem digital. Menurut beliau, digitalisasi membolehkan pengusaha wanita menjimatkan masa, mengurangkan beban pentadbiran dan memberi tumpuan yang lebih besar kepada pembangunan perniagaan.

Dalam sektor keusahawanan, AI dilihat berpotensi membantu usahawan wanita membuat analisis kewangan, mengenal pasti trend pasaran, mengurus inventori, menghasilkan kandungan pemasaran serta memantau prestasi perniagaan secara lebih cekap. Teknologi ini berpotensi membantu usahawan membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan data dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada pengalaman atau intuisi.

Perbincangan turut menyentuh konsep "*time poverty*" yang sering dialami oleh wanita akibat tanggungjawab penjagaan keluarga. Dalam konteks ini, AI dan automasi dilihat berpotensi membantu mengurangkan beban tugas rutin dan memberi lebih banyak masa kepada wanita untuk menyertai aktiviti ekonomi, latihan kemahiran dan pembangunan kerjaya.

Secara keseluruhannya, peserta bersetuju bahawa AI tidak seharusnya dilihat hanya sebagai risiko kepada wanita, tetapi juga sebagai alat pemerkasaan yang mampu meningkatkan produktiviti, memperluaskan peluang ekonomi dan memperkukuh kesejahteraan sosial sekiranya dimanfaatkan secara strategik.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN RESOLUSI

Berdasarkan dapatan dan pandangan yang dikemukakan sepanjang sesi perbincangan, lima (5) resolusi strategik telah dirumuskan sebagai cadangan kepada Kerajaan Negeri Selangor, kementerian, agensi berkaitan, institusi pendidikan dan pemain industri bagi memastikan pembangunan kecerdasan buatan (AI) dilaksanakan secara inklusif, selamat dan responsif gender, di samping memperkukuh daya tahan ekonomi dan sosial wanita dalam era digital.

1. Pemerkasaan Literasi AI dan Agen AI untuk Wanita dan Komuniti

Memperluaskan akses latihan asas berkaitan *Generative* AI dan Agen AI kepada wanita, belia serta komuniti melalui pembangunan modul pembelajaran yang praktikal, mudah difahami dan boleh diakses secara percuma. Pendekatan ini penting bagi memastikan wanita tidak tercicir dalam arus transformasi digital yang sedang berlaku dan mampu memanfaatkan teknologi AI untuk tujuan pekerjaan, keusahawanan serta pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam konteks ini, pembangunan ekosistem pembelajaran AI yang inklusif perlu diperkukuhkan melalui kerjasama strategik antara kerajaan, institusi pendidikan, pihak industri dan organisasi masyarakat sivil. Fokus perlu diberikan kepada penggunaan AI secara praktikal seperti pembangunan resume, peningkatan produktiviti kerja, penghasilan kandungan digital, pembangunan perniagaan dan pembelajaran sendiri supaya teknologi AI dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang pendidikan atau sosioekonomi.

2. Memperkukuh Penglibatan Wanita dalam STEM, TVET dan Ekonomi Digital

Memperkasa penyertaan wanita dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta industri teknologi melalui program mentoring, pembangunan

bakat, latihan industri dan peluasan akses kepada peluang pekerjaan berasaskan teknologi dan kecerdasan buatan.

Seiring dengan perkembangan pesat sektor teknologi, penglibatan wanita dalam bidang-bidang berimpak tinggi ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan mereka bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi turut berperanan sebagai pembangun, inovator dan peneraju ekonomi digital masa hadapan. Pendekatan ini perlu disokong melalui pembangunan jaringan profesional, program mentor-mentee, pensijilan kemahiran AI dan laluan kerjaya yang lebih jelas bagi meningkatkan keyakinan, kebolehpasaran dan daya tahan wanita dalam ekosistem pekerjaan digital.

3. Tadbir Urus AI yang Selamat, Beretika dan Sensitif Gender

Memperkasa pendekatan tadbir urus AI yang selamat, beretika dan sensitif gender melalui pengukuhan perlindungan data peribadi, keselamatan digital serta usaha mengurangkan bias gender dalam pembangunan dan penggunaan teknologi AI. Perkembangan AI yang semakin pesat memerlukan kerangka tadbir urus yang jelas bagi memastikan teknologi tersebut digunakan secara bertanggungjawab dan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

Perbincangan turut menekankan bahawa pembangunan dasar dan perundangan AI perlu mengambil kira konteks budaya tempatan, keselamatan wanita, hak pengguna dan prinsip keadilan sosial. Langkah ini penting bagi memastikan AI tidak memperkukuh diskriminasi sedia ada atau menghasilkan ketidaksamaan baharu akibat penggunaan algoritma dan data yang tidak inklusif.

4. AI sebagai Pemangkin Kesejahteraan Rakyat dan Penyelesaian Isu Komuniti

Menggalakkan pembangunan solusi AI yang memberi manfaat langsung kepada kehidupan harian rakyat termasuk dalam aspek pekerjaan, penjagaan keluarga, keusahawanan, pendidikan dan penyelesaian isu komuniti setempat. Pendekatan ini selaras dengan keperluan untuk memastikan pembangunan AI berteraskan manusia dan menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

AI perlu dimanfaatkan sebagai alat penyelesaian masalah yang praktikal dan mudah diakses oleh rakyat. Antara aplikasi yang boleh diperluaskan termasuk penggunaan AI bagi pencarian pekerjaan, pembangunan resume, sokongan kepada ekonomi penjagaan (*care economy*), peningkatan produktiviti usahawan wanita serta pembangunan inovasi yang mampu menyelesaikan cabaran komuniti secara lebih berkesan. Resolusi ini sebenarnya sangat kuat kerana ia menghubungkan AI secara langsung dengan agenda kesejahteraan rakyat dan ekonomi penjagaan yang menjadi fokus Kerajaan Negeri Selangor.

5. Pembangunan Ekosistem Sokongan AI yang Mampan

Memperkuhkan pembangunan ekosistem sokongan AI yang mampan melalui penyediaan infrastruktur digital yang asas dan inklusif seperti capaian internet berkualiti, ketersediaan peranti digital serta sistem sokongan teknologi yang stabil dan mampu diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Perbincangan mendapati bahawa kejayaan pelaksanaan AI tidak hanya bergantung kepada pembangunan teknologi semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan akses digital masyarakat. Oleh itu, pengukuhan prasarana digital perlu diberikan keutamaan bagi memastikan manfaat teknologi AI dapat diperluaskan secara lebih saksama, khususnya kepada wanita daripada kumpulan B40, komuniti luar bandar dan golongan yang mempunyai akses teknologi yang terhad.

LENSA PERBINCANGAN MEJA BULAT





**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (*CARE ECONOMY*)
NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.

Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Imbas untuk ke laman sesawang